

## PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB - UNTUK INDIVIDU

8 JUN 2021

No.	Soalan	Jawapan
1	Bagaimakah cara CIMB membantu pelanggan mereka?	<p>Sejajar dengan pengumuman oleh Kerajaan Malaysia pada 31 May 2021, kami telah memperluaskan bantuan bayaran bersasar kepada pelanggan yang paling terjejas.</p> <p>Kami menawarkan pilihan bantuan seperti berikut untuk menolong pelanggan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelepasan pembayaran selama 3 bulan; atau</li><li>• Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan; atau</li><li>• Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan.</li></ul> <p>Kami menggesa pelanggan yang memerlukan bantuan untuk menghubungi kami bagi membincangkan pilihan bantuan kewangan yang bersesuaian. Pelanggan diberi jaminan bahawa sebarang bantuan kewangan yang mereka pilih tidak akan mempengaruhi status CCRIS ("Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat") mereka.</p>
2	Siapakah yang layak menerima bantuan bersasar ini?	Semua pelanggan yang impak dari pandemic.
3	Adakah saya akan didaftarkan secara automatik untuk Program ini?	Tidak. Jika anda memerlukan bantuan, sila: <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengunjungi cawangan CIMB, atau</li><li>• Hubungi Pusat Panggilan kami di 03 6204 7788</li></ul>
4	Apakah produk pinjaman/pembentangan yang termasuk dalam program ini?	Program Bantuan Bersasar CIMB ini ditawarkan untuk produk-produk bagi pelanggan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pembentangan Perumahan,</li><li>• Pembentangan ASB,</li><li>• Pembentangan Peribadi (Pinjaman Xpress Cash, Pembentangan-i Xpress Cash, Pinjaman Cash Plus &amp; Pembentangan-i Cash Plus) dan,</li><li>• Pembentangan Auto</li></ul>
5	Bilakah Program ini akan bermula?	Pemilihan bagi pilihan yang tersedia di bawah Program ini boleh dibuat dari 1 Jun 2021 hingga 31 Disember 2021.

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada [cimb.com.my/covid19support](http://cimb.com.my/covid19support) untuk soalan lazim terkini.*

No.	Soalan	Jawapan
6	Adakah pinjaman/pembiayaan di bawah pelepasan progresif layak menyertai program ini?	<p>Ya, jika anda turut terjejas dan memerlukan bantuan, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03 62047788 atau e-mel kami di <a href="mailto:covidcare@cimb.com">covidcare@cimb.com</a> atau mengunjungi cawangan kami.</p> <p>Kami akan menghubungi anda melalui telefon dalam tempoh masa 5 hari kalendar.</p>
7	Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen?	Tidak perlu.
8	Saya mempunyai sebilangan pinjaman/pembiayaan dengan CIMB, adakah bantuan ini layak untuk semua pinjaman/pembiayaan atau untuk beberapa sahaja?	Sila maklum kami pinjaman/pembiayaan mana yang anda perlukan bantuan.
9	Bagaimana pula dengan potongan bayaran automatik atau arahan tetap saya?	<p>Jika terdapat arahan tetap dengan CIMB atau bank lain, anda perlu mengemaskini arahan tetap anda sewajarnya dengan Bank yang demikian.</p> <p>Jika anda mempunyai potongan bayaran automatik, ianya akan dikemaskini mengikut pilihan yang dibuat melainkan jika diberitahu oleh pihak Bank.</p>
10	Adakah ianya lebih baik atau tidak untuk saya menyertai Program Bantuan Bersasar CIMB ini?	Kami ingin anda membuat keputusan yang tepat dan telah menyediakan butiran-butiran yang patut dipertimbangkan di dalam jadual A-C.
11	Adakah saya dibenarkan untuk menyemak semula pembayaran bulanan sekiranya keadaan kewangan saya bertambah baik?	Ya, sila hubungi kami secepat mungkin apabila keadaan kewangan anda bertambah baik. Semakan semula pembayaran bulanan akan dapat membantu anda mengurangkan keseluruhan kos pinjaman/pembiayaan.
12	Apa yang akan berlaku sekiranya saya sudah mempunyai perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Harta / Auto / Peribadi /Pembiayaan ASB saya?	<p>Tempoh perlindungan Insurans / Takaful untuk Pembiayaan Harta / Auto / Peribadi /Pembiayaan ASB anda tidak akan berubah, walaupun anda menyertai pelbagai bentuk program bantuan.</p> <p>Tidak ada lanjutan automatik untuk jangka masa perlindungan Insurans / Takaful anda berikutnya lanjutan tempoh pinjaman / pembiayaan anda kerana ini hanyalah program bantuan (jika ada).</p>

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada [cimb.com.my/covid19support](http://cimb.com.my/covid19support) untuk soalan lazim terkini.*

		<p>Anda boleh memohon untuk memanjangkan tempoh perlindungan sejajar dengan jangka masa pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan dengan:</p> <p><b>Pilihan 1:</b> Mengunjungi mana-mana cawangan CIMB kami atau Wakil Jualan Bergerak: Mobile Sales Force – Retail &amp; Enterprise Distribution Centre (MSF RED); atau</p> <p><b>Pilihan 2:</b> Hubungi Pusat Panggilan kami di 03-6204 7788.</p> <p>Sila hubungi syarikat perlindungan Insurans / Takaful masing-masing jika anda tidak memperolehnya dari CIMB.</p>
No.	Soalan	Jawapan
<b>13</b>	Sekiranya saya ingin melanjutkan tempoh perlindungan Insurans / Takaful, adakah bayaran ansuran pinjaman / pembiayaan bulanan saya akan meningkat?	Tidak akan ada penambahan pada bayaran ansuran pinjaman / pembiayaan bulanan anda kerana premium / sumbangan anda dibayar secara berasingan terus kepada Syarikat Insurans / Pengendali Takaful.

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada [cimb.com.my/covid19support](http://cimb.com.my/covid19support) untuk soalan lazim terkini.*

**Jadual A: Pembiayaan Perumahan dan Pembiayaan ASB – Membuat keputusan yang tepat**

Pembiayaan Perumahan dan ASB	Program Bantuan Bersasar	
	Pelepasan pembayaran selama 3 bulan	Pengurangan ansuran bulanan termasuk pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan
Bayaran	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Sebagai contoh, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Jun 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Julai 2021 hingga September 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh 3 bulan tersebut berakhir. Dengan menggunakan contoh yang sama, anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda mulai dari bulan Oktober 2021 dan seterusnya.</p>	<p>Pengurangan ansuran bulanan untuk 6 bulan. Sebagai contoh, jika anda memohon untuk program ini pada bulan Jun 2021, maka ansuran anda dari Julai 2021 hingga Disember 2021 akan dikurangkan.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan penuh atau ansuran bulanan kemaskini anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir. Dengan menggunakan contoh yang sama di atas, jumlah ansuran penuh anda mesti dibuat pada bulan Januari 2022.</p>
Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar	<p>Bahagian faedah/caj keuntungan akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 3 bulan.</p> <p>Pada akhir tempoh 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan sepenuhnya sesuai dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang terdekat.</p>	<p>Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk membayar faedah/caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.</p> <p>Sekiranya bayaran bulanan yang dikurangkan selama 6 bulan ini tidak dapat membayar untuk faedah/caj keuntungan sepenuhnya setiap bulan, jumlah faedah/caj keuntungan yang belum dibayar tersebut itu akan terakru.</p> <p>Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh atau ansuran bulanan kemaskini anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.</p>
Bayaran bulanan yang belum dibayar	<p>Jumlah bayaran bulanan yang belum dibayar akan ditambahkan kepada jumlah pokok pinjaman/pembiayaan anda dan ini akan menyebabkan jumlah pokok anda untuk meningkat sebanyak kuantum faedah/caj keuntungan yang belum dibayar.</p> <p>Untuk pinjaman/pembiayaan hartanah di bawah pelepasan progresif, faedah/keuntungan <u>tidak akan</u> dimasukkan ke dalam jumlah pokok pinjaman/pembiayaan anda dan jumlah</p>	<p>Jumlah bayaran bulanan yang belum dibayar akan ditambahkan kepada jumlah pokok pinjaman/pembiayaan anda dan perkara ini akan menyebabkan jumlah pokok anda untuk meningkat sebanyak kuantum faedah/caj keuntungan yang belum dibayar.</p>

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

	tersebut akan perlu dibayar pada bayaran terakhir kemudahan tersebut.	
Lanjutan Tempoh	Tiada lanjutan tempoh. Tempoh pinjaman/pembayaran anda akan kekal sama.	Tiada lanjutan tempoh. Tempoh pinjaman/pembayaran anda akan kekal sama.
Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana tidak perlu membayar selama 3 bulan.</li> <li>✓ Jumlah faedah/caj keuntungan akan meningkat apabila anda menyertai program ini.</li> <li>✓ Tempoh pinjaman/pembayaran anda akan kekal sama dan anda mungkin perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.</li> </ul>	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan.</p> <p>Anda akan membayar jumlah yang lebih tinggi dalam jangka masa yang panjang oleh sebab berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Untuk 6 bulan yang berikut, bayaran anda yang telah dikurangkan akan digunakan untuk membayar faedah/caj keuntungan, meninggalkan jumlah yang lebih kecil untuk mengurangkan jumlah pokok anda.</li> <li>✓ Sekiranya baki pokok dikurangkan mengikut jadual, faedah/caj keuntungan akan dikenakan pada baki pokok yang telah dikurangkan secara bulanan.</li> <li>✓ Sekiranya anda menyertai program ini, jumlah pokok akan dikurangkan secara minimum, dan akan menyebabkan elemen faedah/caj keuntungan bagi pinjaman/pembayaran anda menjadi lebih tinggi.</li> <li>✓ Anda mungkin perlu membayar jumlah akhir yang lebih tinggi pada tempoh kematangan.</li> </ul>

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

**Jadual B: Pembiayaan Peribadi – Membuat keputusan yang tepat**

<b>Jenis Pinjaman / Pembiayaan Peribadi</b>	<b>Cash Plus Loan / Xpress Cash Loan (Conventional)</b>			<b>Cash Plus Financing / Xpress Cash Financing (Islamic)</b>		
<b>Tawaran Program</b>	<b>Pengurangan ansuran bulanan</b>	<b>Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan</b>	<b>Pengurangan ansuran bulanan</b>	<b>Pengurangan ansuran bulanan</b>	<b>Pengurangan ansuran sebanyak 50% selama 6 bulan</b>	<b>Pengurangan ansuran bulanan</b>
Bayaran	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Jun 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Julai 2021 hingga September 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Oktober 2021).</p>	<p>Pengurangan ansuran bulanan untuk 6 bulan. Contohnya, dari Julai 2021 hingga Disember 2021 ansuran bulanan akan dikurangkan.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Januari 2022).</p>	<p>Anda akan membayar jumlah ansuran yang lebih rendah kerana kami akan melanjutkan tempoh pinjaman anda sehingga 10 tahun.</p> <p>Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Jun 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Julai 2021 hingga September 2021.</p>	<p>Ansuran untuk 3 bulan berikutnya akan ditangguhkan. Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Jun 2021, anda tidak perlu membuat bayaran dari bulan Julai 2021 hingga September 2021.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran anda selepas tempoh penangguhan 3 bulan tersebut berakhir (contohnya: Oktober 2021).</p>	<p>Pengurangan ansuran bulanan untuk 6 bulan. Contohnya, dari Julai 2021 hingga Disember 2021 ansuran bulanan akan dikurangkan.</p> <p>Anda mesti menyambung semula bayaran ansuran bulanan anda selepas tempoh 6 bulan tersebut berakhir (contohnya: Januari 2022).</p>	<p>Kami akan menutup akaun pembiayaan yang sedia ada dan membuka akaun pembiayaan baru dengan amaun ansuran yang lebih rendah. Tempoh pembiayaan akan dilanjutkan sehingga 10 tahun.</p> <p>Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Jun 2021, ia akan berkuatkuasa dari bulan Julai 2021 hingga September 2021.</p> <p>Nota: Aqad (Kontrak) baru akan dilaksanakan melalui panggilan bersama dengan pihak kami.</p>

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*

Faedah/ Caj keuntungan yang perlu dibayar	Bahagian faedah akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 3 bulan.  Pada akhir tempoh 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.	Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk membayar faedah untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.  Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.	Jumlah faedah terakru yang dikenakan dan / atau pembayaran bulanan yang belum dibayar akan ditambahkan ke dalam baki prinsipal anda.  Baki aman prisipal baru anda akan berjumlah:  <b>Jumlah faedah terakru dikenakan + Baki pinjaman tertunggak semasa</b>  Faedah akan dikenakan berdasarkan baki prinsipal baru.	Bahagian caj keuntungan akan terakru sepanjang tempoh penangguhan ansuran 3 bulan. Walau bagaimanapun, TIADA caj keuntungan tambahan yang akan dikenakan sepanjang tempoh tersebut  Pada akhir 3 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda selaras dengan ansuran bulanan semasa anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.	Bayaran bulanan yang telah dikurangkan dan akan dibayar dalam 6 bulan berikutnya akan terlebih dahulu digunakan untuk caj keuntungan untuk bulan tersebut, dan kemudiannya untuk membayar baki pokok.  Pada akhir tempoh 6 bulan tersebut, anda perlu membayar ansuran bulanan penuh anda. Surat pemberitahuan akan dihantar kepada anda dalam masa yang sewajarnya.	Caj keuntungan akan dikenakan berdasarkan baki prinsipal baru.
Tempoh	Tempoh pinjaman anda akan kekal sama.  Bayaran sekaligus ( <i>bullet payment</i> ) mungkin akan dikenakan pada akhir tempoh pinjaman.	Tempoh pinjaman anda akan kekal sama.  Bayaran sekaligus ( <i>bullet payment</i> ) mungkin akan dikenakan pada akhir tempoh pinjaman.	Tempoh pinjaman akan dilanjutkan selama sehingga 10 tahun.	Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan.	Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan.	Tempoh akaun pembiayaan baru adalah sehingga 10 tahun.

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada [cimb.com.my/covid19support](http://cimb.com.my/covid19support) untuk soalan lazim terkini.*

Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana anda tidak perlu membayar selama 3 bulan.</li> <li>✓ Jumlah faedah anda akan meningkat kerana anda menyertai program ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan.</li> <li>✓ Untuk 6 bulan akan datang, bayaran yang telah dikurangkan akan dikenakan untuk bayaran faedah, jumlah bayaran pokok akan menjadi lebih kecil.</li> <li>✓ Sekiranya baki pokok dikurangkan mengikut jadual, faedah akan dikenakan pada baki pokok yang telah dikurangkan setiap bulan.</li> <li>✓ Sekiranya anda menyertai program ini, prinsipal akan dikurangkan kepada minimum, bermaksud</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar jumlah yang telah dikurangkan. Anda membayar lebih untuk jangka masa panjang kerana:</li> <li>✓ Bayaran bulanan yang belum dibayar akan ditambahkan ke dalam amaun prinsipal pinjaman anda menyebabkan jumlah prinsipal meningkat bersama-sama jumlah faedah yang belum dibayar dan juga jangka masa yang telah dilanjutkan.</li> <li>✓ Anda akan membayar untuk tempoh yang lebih panjang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bayaran anda akan bersambung semula setelah tempoh penangguhan ansuran selama 3 bulan tersebut berkahir.</li> <li>✓ Tempoh pembiayaan anda akan dilanjutkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan</li> <li>✓ Untuk 6 bulan akan datang, bayaran yang dikurangkan akan digunakan untuk keuntungan, ini bermaksud jumlah bayaran pokok akan menjadi lebih kurang dan anda membayar untuk jangkamasa yang lebih lama.</li> <li>✓ Tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan</li> <li>✓ Anda akan membayar lebih sebab tempoh pembiayaan yang lebih panjang.</li> </ul>
---	--	--	--	--	---	---

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada [cimb.com.my/covid19support](http://cimb.com.my/covid19support) untuk soalan lazim terkini.*

		faedah pinjaman anda akan menjadi lebih tinggi				
--	--	--	--	--	--	--

**Jadual C: Pembiayaan Auto – Membuat keputusan yang tepat**

Jenis Pinjaman / Pembiayaan	Pelepasan pembayaran selama 3 bulan untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan	Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan.	Pengurangan ke atas amaun bayaran bulanan untuk individu yang sedang mengalami pendapatan yang berkurangan.
Faedah/keuntungan (“Caj Terma”) yang perlu dibayar	<p>i.Untuk Kadar Tetap: Tiada faedah/ caj keuntungan tambahan akan dikenakan.</p> <p>ii.Untuk Kadar Berubah: Faedah/caj keuntungan akan terus terakru untuk tempoh 3 bulan penangguhan bayaran bulanan dan perlu dibayar semasa pembayaran penyelesaian penuh akaun Pinjaman/Pembiayaan Auto, yang mana amaun tersebut tidak melebihi jumlah caj-caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa beli.</p>	<p>i. Untuk Kadar Tetap: Tiada faedah/ caj keuntungan tambahan akan dikenakan.</p> <p>ii. Untuk Kadar Berubah: Faedah/caj keuntungan akan terus terakru untuk tempoh 3 bulan penangguhan bayaran bulanan dan perlu dibayar semasa pembayaran penyelesaian penuh akaun Pinjaman/Pembiayaan Auto, yang mana amaun tersebut tidak melebihi jumlah caj-caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian sewa beli.</p> <p>Setelah tempoh 6 bulan, anda perlu membayar bayaran bulanan penuh sesuai dengan ansuran bulanan semasa anda. Notis akan dihantar kepada anda apabila tiba waktunya.</p>	<p>Kami akan menutup akaun pembiayaan yang sedia ada dan membuka akaun pembiayaan baru dengan amaun ansuran yang lebih rendah. Tempoh pembiayaan akan dilanjutkan sehingga 12 tahun. Contohnya, sekiranya anda memohon untuk program ini pada bulan Januari 2021, ia akan berkuatkuasa dari bulan Februari 2021.</p> <p>Faedah/caj keuntungan akan dicaj berdasarkan baki prinsipal baru.</p> <p>Nota: Perjanjian Variasi perlu ditandatangani oleh anda dan guarantor (jika ada).</p>
Tempoh	<p>i. Untuk Kadar Tetap, tarikh matang akan dilanjutkan untuk 3 bulan.</p> <p>ii. Untuk Kadar Berubah: Tempoh pinjaman /pembiayaan anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan.</p>	<p>i. Untuk Kadar Tetap, tarikh matang akan dilanjutkan untuk 3 bulan.</p> <p>ii. Untuk Kadar Berubah: Tempoh pinjaman /pembiayaan anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan.</p>	Tempoh pinjaman/pembiayaan akan dilanjutkan mengikut perjanjian variasi anda.

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada [cimb.com.my/covid19support](http://cimb.com.my/covid19support) untuk soalan lazim terkini.*

<p>Kesan kepada anda sekiranya anda menyertai program ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan dan/atau tarikh matang anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan.</li>   <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana anda tidak perlu membayar selama 3 bulan.</li> </ul>	<p>Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Tempoh pinjaman/pembiayaan dan/atau tarikh matang anda akan dilanjutkan untuk 3 bulan.</li>   <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda mendapat sedikit kelegaan kerana bayaran penuh anda hanya akan disambung semula setelah tempoh 6 bulan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dalam jangka masa singkat, anda akan mendapat sedikit kelegaan kerana hanya perlu membayar amaun yang telah dikurangkan.</li>   <li>✓ Anda akan membayar untuk tempoh yang lebih panjang.</li> </ul>
--	--	---	---

*Nota: Dokumen soalan lazim ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak bank selaras dengan sebarang perkembangan berkenaan dengan keperluan pengawalseliaan. Kami akan mengemaskini dokumen soalan lazim ini apabila terdapat perkembangan baru. Sila rujuk kepada cimb.com.my/covid19support untuk soalan lazim terkini.*